

**PERATURAN PERMAINAN PING PONG****1. PERATURAN TEKNIKAL**

## 1.1 Undang - Undang Permainan

1.1.2 Pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF) dan terjemahan Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM) yang berkuatkuasa pada ketika ini.

## 1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan AM **HIGHER EDUCATION SPORTS FEST (HESF) 2019**

**2. PERATURAN PERTANDINGAN**

## 2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Kategori Berpasukan dan Individu seperti berikut

## 2.1.1 Kategori Berpasukan Lelaki &amp; Wanita (susunan perlawanan seperti dibawah)

2.1.1.1 Perseorangan Pertama

2.1.1.2 Beregu Pertama

2.1.1.3 Beregu Kedua

## 2.1.2 Kategori Individu (2 penyertaan bagi setiap kategori)

2.1.2.1 Perseorangan Lelaki

2.1.2.2 Perseorangan Wanita

2.1.2.3 Beregu Lelaki

2.1.2.4 Beregu Wanita

## 2.2 Pendaftaran pasukan/pemain

## 2.2.1 Bilangan pemian adalah seperti berikut ;

ACARA	ATLIT (L)	ATLIT (W)
1.Berpasukan		
-Berpasukan Lelaki	6	-
-Berpasukan Wanita	-	6
2.Individu		
-Perseorangan Lelaki	2	-
-Perseorangan Wanita	-	2
-Beregu Lelaki	4	-
-Beregu Wanita	-	4

- 2.2.2 Setiap IPT dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan bagi kategori berpasukan dan maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap acara individu.
- 2.2.3 Seorang pemain hanya dibenarkan menyertai 1 acara sahaja dalam kategori berpasukan dan individu.
- 2.2.4 Sebarang pemain gantian **tidak dibenarkan** selepas Undian Rasmi dibuat.

### 2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Kategori Berpasukan akan dijalankan secara liga di peringkat kumpulan dan kalah mati (*knock out*) untuk pusingan kedua dan seterusnya.
- 2.3.2 Semua pemain perlu menamatkan permainan di peringkat kumpulan bagi menentukan Johan dan Naib Johan kumpulan masing-masing.
- 2.3.3 Kategori Individu akan dijalankan secara kalah mati (*Knock out*) bermula pusingan awal dan seterusnya.
- 2.3.4 Semua perlawanan akan dijalankan secara lima (5) permainan terbaik daripada lima (5) permainan (*best of five (5) games*) dengan kiraan 11 mata bagi setiap set mengikut ketentuan berikut :
  - a) Setiap pasukan/individu yang mendapat keputusan 3-2
  - b) Setiap pasukan/individu yang mendapat keputusan 3-1
  - c) Setiap pasukan/individu yang mendapat keputusan 3-0

### 2.4 Penentuan Kemenangan Bagi Sistem Liga (Berpasukan)

- 2.4.1 Setiap pemain yang mendapat 3 set terbaik dikira pemenang seperti berikut :-
  - a) Setiap individu yang mendapat keputusan 3-0
  - b) Setiap individu yang mendapat keputusan 3-1
  - c) Setiap individu yang mendapat keputusan 3-2
- 2.4.2 Setiap pasukan yang mendapat 2 perlawanan terbaik dikira pemenang seperti berikut :
  - a) Setiap pasukan yang mendapat keputusan 2-0
  - b) Setiap pasukan yang mendapat keputusan 2-1
- 2.4.3 Setiap pasukan perlu menghabiskan semua perlawanan dalam peringkat kumpulan semasa dalam pusingan liga dijalankan.

2.4.4 Setiap pasukan yang menang akan mendapat mata seperti berikut:

- a) Menang = 2 mata
- b) Kalah = 0 mata

2.4.5 Sekiranya terdapat pasukan yang mendapat mata yang sama dalam kumpulan, sistem berikut akan digunakan iaitu :

- a) Jumlah set menang tolak jumlah set yang kalah.
- b) Sekiranya seri, Jumlah mata yang menang tolak jumlah mata yang kalah.
- c) Sekiranya seri, Keputusan perlawanan antara kedua-dua pasukan akan digunakan (*head to head*).
- d) Sekiranya seri, pihak penganjur berhak menentukan sistem yang akan digunakan dan keputusan yang dibuat adalah **muktamad**.

## 2.5 Pakaian Pertandingan

2.5.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama pasukan yang diwakili di bahagian belakang baju.

2.5.2 Bagi acara bergu, pemakaian baju pemain hendaklah sama darisegi warna dan corak.

2.5.3 Setiap pemain dilarang memakai baju yang sama warna (putih) dengan bola pertandingan.

2.5.4 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan semasa Majlis Penyampaian Hadiah.

## 2.6 Alatan Pertandingan

2.6.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang Permainan Ping Pong seperti yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF).

2.6.2 Para peserta hanya perlu membawa bad ping pong sendiri semasa kejohanan.

2.6.3 Tidak dibenarkan menggunakan **getah yang diubahsuai** dan sekiranya terdapat aduan pemain tersebut boleh disingkirkan daripada kejohanan.

2.6.4 Bola plastik saiz 40+ mm berwarna putih sahaja digunakan pada kejohanan ini.

## 2.7 Hadiah Dan Yuran

2.7.1 Yuran penyertaan adalah RM 30.00 bagi setiap acara..

2.7.2 Hadiah diberi hanya kepada Pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga bagi semua acara mengikut ketentuan berikut :-

Bil	Acara	Johan	Naib Johan	Tempat Ke-3
1	Berpasukan Lelaki (Medal Termasuk Pengurus & Jurulatih)	RM 1,000.00 & Medal	RM 700.00 & Medal	RM 500.00 & Medal
2	Berpasukan Wanita (Medal Termasuk Pengurus & Jurulatih)	RM 1,000.00 & Medal	RM 700.00 & Medal	RM 500.00 & Medal
3.	Perseorangan Lelaki	RM 300.00 & Medal	RM 200.00 & Medal	RM 100.00 & Medal
4.	Perseorangan Wanita	RM 300.00 & Medal	RM 200.00 & Medal	RM 100.00 & Medal
5.	Beregu Lelaki	RM 600.00 & Medal	RM 400.00 & Medal	RM 200.00 & Medal
6.	Beregu Wanita	RM 600.00 & Medal	RM 400.00 & Medal	RM 200.00 & Medal

## 2.8 Kelewatan Dan Ketidakhadiran

2.8.1 Setiap pemain perlu melaporkan diri di meja panggilan **5 minit** sebelum perlawanan bermula serta perlu membawa **kad akreditasi**.

2.8.2 Setiap pemain yang akan bermain untuk perlawanan seterusnya diberi masa rehat selama 10 minit.

2.8.3 Hanya **5 minit** sahaja akan diberi kepada setiap pemain yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 11 – 0, 11– 0, 11 – 0.

## 3. RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Berpasukan Lelaki	6	-	2	8
2	Berpasukan Wanita	-	6	2	8